



SIARAN MEDIA

KEUNIKAN CITARASA BUFET RAMADHAN DI CRUISE TASIK PUTRAJAYA MARINA PUTRAJAYA

Putrajaya, 17 Mei 2015 – Sudah pasti ramai yang akan mencari-cari tempat yang menarik bagi berbuka puasa bersama keluarga mahupun rakan-rakan. Menjelang Ramadhan 2016 yang bakal tiba kali ini, Cruise Tasik Putrajaya turut menyajikan pakej bufet berbuka puasa di atas bot cruise dan pastinya, memberikan keunikan berbeza berbanding tempat-tempat lain.

Sambil menyusuri Tasik Putrajaya selama 1 jam 30 minit, pakej Ramadhan Fi Sofina menawarkan harga yang amat berpatutan iaitu RM107 sahaja bagi dewasa manakala harga bagi kanak-kanak dan warga emas adalah RM77. Usia kanak-kanak adalah dari 5 sehingga 12 tahun dan warga emas pula berusia dari 60 tahun keatas. Ramadhan Fi Sofina menawarkan lebih dari 30 jenis makanan tradisional dan Melayu asli antaranya seperti Sup Tulang, Mee Kari, Kerabu Jantung Pisang, Nasi Baryani, Ayam Masak Merah, Gulai Kawah Daging Tetel serta pelbagai jenis kuih muih dan pencuci mulut.

Pakej Bufet Ramadhan bukan terdapat di Cruise Tasik Putrajaya sahaja, malahan Marina Putrajaya juga turut menawarkan pakej Ramadhan Fi Marina di mana terdapat lebih dari 100 jenis menu makanan Melayu asli yang menawarkan harga RM75 bagi dewasa manakala RM42 bagi kanak-kanak dan warga emas. Kedua-dua pakej Ramadhan ini dibuka dan dijual kepada umum sepanjang bulan Ramadhan ini.

Menariknya, menu yang disajikan disepanjang bulan Ramadhan di Cruise Tasik Putrajaya dan Marina Putrajaya akan di sediakan oleh Bora Ombak yang akan menjadi rakan niaga yang akan menyediakan segala keperluan makanan dan minuman di kedua-dua lokasi tersebut. Pemilihan Bora Ombak yang merupakan pengusaha restoran yang terkenal, adalah salah satu strategi Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) agar para pelanggannya mendapat layanan serta pilihan dan kualiti makanan yang terbaik, dengan harga yang amat bepatutan. Cruise Tasik Putrajaya dan Marina Putrajaya juga menyediakan ruangan tempat meletak kenderaan yang mencukupi dan ruangan untuk solat yang selesa.

Untuk maklumat lanjut mengenai pakej bufet Ramadhan Fi Sofina dan Ramadhan Fi Marina atau ingin membuat tempahan, boleh menghubungi Jabatan Jualan di talian 03-8888 3359 atau boleh juga email kepada sales@cruisetasikputrajaya.com.

DATO' ZAHARAH SALAMAT

Ketua Pegawai Eksekutif
Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Tarikh : 17 Mei 2016